



Objektif perbincangan forum dua hala ini adalah mencadangkan beberapa agenda transformasi dan pembaharuan melalui penghasilan pelan tindakan ke arah kelestarian serta kesejahteraan komuniti pertanian serantau

**DR GHIZAN**

# MALAYSIA, INDONESIA KONGSI PENGALAMAN

Forum dua hala bolehkan kedua-dua negara bentang maklumat bidang pertanian, makanan

## BERITA AGRO

**Mohamad Hussin**

mohamad\_hussin@hmetro.com.my

**Majlis** Profesor Negara (MPN) di bawah Kluster Pertanian dan Makanan secara bersama Asosiasi Profesor Indonesia (API) dengan kerjasama Universiti Pertanian Malaysia (UPM) serta Institut Pertanian Bogor, Indonesia mengajurkan Forum Pertanian Ikatan Profesor Indonesia-Malaysia (IPIMA) 2017 di UPM, Serdang pada 6 hingga 9 November ini.

Ketua Kluster Pertanian dan Makanan MPN Prof Dr

Ghizan Saleh berkata, forum ini terbuka kepada orang ramai dan ia sangat penting kerana kedua-dua negara adalah pengeluar utama dunia kelapa sawit dan getah.

Beliau berkata, kedua-dua negara ini mengeluarkan hampir 90 peratus daripada pengeluaran kelapa sawit dunia dan menyumbang 32 peratus daripada jumlah minyak serta lemak dunia.

Terdapat dua komponen utama dalam Forum Pertanian IPIMA 2017 iaitu perbincangan dua hala Malaysia-Indonesia dan seminar dalam bidang pertanian serta makanan.

"Objektif perbincangan forum dua hala ini adalah

mencadangkan beberapa agenda transformasi dan pembaharuan melalui penghasilan pelan tindakan ke arah kelestarian serta kesejahteraan komuniti pertanian serantau.

"Ia termasuk berkongsi ilmu pengetahuan, dapatan penyelidikan, analisis polisi dan pengalaman pelaksanaan polisi di antara kedua-dua negara," katanya.

Beliau yang juga Pengurus Bersama Jawatankuasa Pengajuran Forum Pertanian IPIMA 2017 berkata, objektif seminar dalam bidang pertanian dan makanan untuk membentang, berkongsi hasil dapatan penyelidikan selain maklumat terkini dalam bi-

dang pertanian dan makanan.

"Setakat ini, sekitar 100 kertas pembentangan lisan dan poster sudah diterima dari Malaysia dan Indonesia. IPIMA 2017 yang bertemakan 'Transformasi Pertanian Ke Arah Kelestarian Kesejahteraan Serantau: Malaysia-Indonesia' membuka penyertaan kepada semua pihak terbabit.

"Ia termasuk pensyarah dan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) Malaysia-Indonesia, penjawat awam di kementerian, jabatan, agensi kerajaan, ahli korporat, wakil industri, syarikat swasta, dan badan bukan kerajaan (NGO) dari kedua-dua negara," katanya.